

IKLAN JAWATAN KOSONG PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19

INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan : Pembantu Kemahiran
(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran (H)
(d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan SPM
(f) Gred : H19
 2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)
- | Gred Gaji | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|-----------|--------------|---------------|-----------------------------|
| H19 | 1,377.00 | 4,052.00 | 100.00 |
- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM 115.00
Perumahan : RM 300.00
3. Syarat Lantikan :
 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Kelayakan Lantikan Ke Gred H19 :
 - (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- Gaji Permulaan : Gred H19: RM1,377.00

ATAU

- : (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya..

Gaji Permulaan : Gred H19: RM1,435.12

ATAU

- : (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenhan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred H19: RM1,435.12

ATAU

- : (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred H19: RM1,493.24

ATAU

- : (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenhan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Gaji Permulaan : Gred H19: RM1,493.24

DAN

Syarat Lantikan Tambahan : -

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Pemohon yang berjaya akan ditawarkan jawatan bertaraf Kontrak dalam satu tempoh masa yang ditetapkan sebelum dipertimbangkan ke jawatan bertaraf Tetap.
5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Universiti untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.1(c)(i); atau 3.1 (c)(ii); atau 3.1 (c) (iii); atau 3.1 (c) (iv); atau 3.1 (c) (v) ; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

6. Ringkasan Tugas : **Umum**
Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan Universiti iaitu memasang, membaik pulih, menyelenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.
- Khusus**
Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat TanggungJawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia.

PENDAFTAR